



UPM-PRCSB Kerjasama Aktiviti Penyelidikan Air



Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah bertukar dokumen dengan Pengarah Eksekutif PRCSB, Tengku Dato' Rahimah Sultan Mahmud sambil disaksikan oleh Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj dan Pro Canselor dan Pengerusi Eksekutif PNHM, Tan Sri Rozali Ismail.

KUALA LUMPUR, 6 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani satu perjanjian dengan Puncak Research Centre Sdn. Bhd (PRCSB) untuk bekerjasama di dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan berteraskan air.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata bentuk kerjasama dengan anak syarikat milik penuh Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) itu ialah untuk melaksanakan projek-projek seperti pelan keselamatan air, pembersihan air, pagedaran air dan rawatan sisa kumbahan.

"UPM akan menyediakan perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) seperti kemudahan makmal dan kemudahan lain UPM, program pembangunan sumber manusia pekerja PRCSB dan penyertaan pelajar-pelajar UPM untuk latihan industri di PNHB dan SYABAS," katanya selepas menandatangani memorandum perjanjian di sini hari ini.

Menurutnya UPM juga akan bekerjasama dalam perkhidmatan perundingan dan khidmat kepakaran serta pelbagai lagi skop kerjasama yang akan dikenal pasti dari masa ke semasa.

Beliau berkata kerjasama pihak industri dengan UPM amat bertepatan kerana UPM mempunyai kepakaran dalam kejuruteraan, rawatan air dan alam sekitar di Fakulti Kejuruteraan dan Pengajian Alam Sekitar UPM.

Katanya empat projek penyelidikan bakal dilaksanakan dalam fasa kedua memorandum perjanjian kelak.

"Kerjasama kedua-dua pihak ini meningkatkan daya saing produk yang dihasilkan industri kerana Puncak Research adalah penyokong kuat yang boleh merealisasikan kepakaran universiti, sementara ia turut mencambah daya inovasi modal insan yang dikeluarkan universiti," katanya.

Dr. Nik Mustapha berkata memorandum perjanjian itu melambangkan smart partnership antara universiti dan industri yang akan memberi impak lebih besar ke arah memajukan penyelidikan dan pembangunan negeri Selangor.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj dan Pro Canselor dan Pengerusi Eksekutif PNHM, Tan Sri Rozali Ismail; Pengarah Urusan PNHB, Dato' Matlisa Hitam dan Pengarah Eksekutif PRCSB, Tengku Dato' Rahimah Sultan Mahmud (kedua-duanya mewakili PRCSB) manakala Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Prof. Dr. Abu Bakar Saleh mewakili UPM.

Antara tetamu kehormat yang hadir di majlis ini ialah Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Ir. Idris Haron; Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Ramli Mahmud; Pro Canselor UPM, Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin dan Tan Sri Dato' Lim Ah Lek; Pro Canselor UPM dan Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dato' Seri Dr. Zainul Ariff Hussain.

Oleh Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat